

Cabaran Pendidikan Islam di Turki: Usaha AKP Terhadap Pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip

*Muhammad Khalis Ibrahim
khalismuhammd92@yahoo.com
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur*

*Mohd Roslan Mohd Nor (Corresponding author)
m_roslan@um.edu.my
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur*

Abstrak

Lantaran sekularisme merupakan prinsip dan identiti negara Republik Turki, maka pendidikan Islam sering menjadi perdebatan. Dalam hal ini, perdebatan mengenai Sekolah Imam-Hatip terus berlaku lebih-lebih lagi pada era *Adalet ve Kalkinma Partisi* (AKP). Kajian ini membincangkan mengenai Sekolah Imam-Hatip sebagai institusi pendidikan Islam di Turki, cabaran yang dihadapi serta usaha AKP ke arah pemerkasaannya. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai metode pengumpulan data serta metode analisis kandungan dan metode komparatif bagi metode analisis data. Secara asasnya, Sekolah Imam-Hatip ditubuhkan sejak tahun 1924 di bawah Undang-undang Penyelarasian Pendidikan dengan menyepakatkan kursus agama dan kursus akademik. Walau bagaimanapun, Sekolah Imam-Hatip didakwa bercanggah dengan prinsip sekularisme, lantas berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan. Melalui usaha AKP, Sekolah Imam-Hatip telah diperkasakan dengan membuka peluang kepada lepasannya untuk menyambung pengajian di universiti serta membuka semula Sekolah Imam-Hatip yang telah ditutup sebelumnya. Justeru, kajian ini menghujahkan bahawa: i) penubuhan Sekolah Imam-Hatip termaktub di bawah perundangan Turki dan tidak menyanggahi prinsip sekularisme; ii) Sekolah Imam-Hatip sebagai institusi pendidikan Islam di Turki menghadapi pelbagai cabaran sepanjang perkembangannya, khususnya daripada elit sekular; dan iii) usaha AKP terhadap pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip telah meningkatkan daya saing lepasan sekolah tersebut setara dengan lepasan sekolah lain serta menjadikan ia sebagai pilihan alternatif kepada sekolah biasa. Meskipun begitu, usaha pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip didapati telah menyumbang kepada polarisasi masyarakat antara mereka yang menyokong dan yang menolak pemerkasaan pendidikan Islam.

Kata kunci: AKP; pendidikan Islam; Sekolah Imam-Hatip; Turki; Undang-undang Penyelarasian Pendidikan

PENGENALAN

Pengisytiharan negara Republik Turki selepas pemansuhan institusi Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1923 telah membuka ruang yang luas kepada pelaksanaan proses pembaharuan dan pemodenan melalui usaha pembinaan negara. Dalam melaksanakan proses pembaharuan tersebut, Mustafa Kemal Atatürk (1923-1938) telah menumpukan agenda sekularisasi bagi memodenkan negara dan sekaligus bangsa Turki. Sekularisasi Atatürk bersifat radikal dan keras di mana ia menjurus ke arah pemisahan agama dari segala urusan kehidupan masyarakat secara keseluruhan (Çelebi, 2011), sekaligus cuba memadamkan peranan Islam yang telah membentuk identiti masyarakat Turki sejak sekian lama (Hussein & Ayten, 2017).

Dalam usaha mensekularkan masyarakat, Atatürk telah memberikan tumpuan yang khusus terhadap aspek pendidikan sebagai wahana yang penting bagi mencorak mentaliti masyarakat. Pada 3 Mac 1924, parlimen yang baru dibentuk telah menyelaraskan sistem pendidikan melalui Undang-undang Penyelarasian Pendidikan (*Tevhid-i Tedrisat Kanunu*)

dengan menjadikan pendidikan bercorak sekular sebagai asas utama dalam sistem pendidikan. Bagi menyelaraskan pendidikan di peringkat kebangsaan, pusat-pusat pengajian berasaskan agama yang diwarisi sejak era Uthmaniyyah telah dihapuskan di bawah undang-undang tersebut (Aşlamacı & Kaymakcan, 2016). Selain itu, sukanan pendidikan yang dirangka turut diberikan perhatian dengan meminggirkan unsur-unsur ketuhanan dan menerapkan metodologi yang berasaskan rasional dan saintifik sahaja.

Meskipun proses sekularisasi telah dilakukan secara giat, namun kedudukan Islam di Turki tidaklah dinafikan secara sepenuhnya. Bagi memastikan kedudukan sekularisme sentiasa berada di atas agama, maka agama telah diletak di bawah pantauan ketat negara. Dalam hal ini, Sekolah Imam-Hatip merupakan salah satu institusi pendidikan berasaskan agama yang ditubuhkan oleh rejim pemerintah Turki sejak awal penubuhan negara Turki moden. Ia ditubuhkan pada tahun 1924 melalui peruntukan Artikel 4 Undang-undang Penyelarasan Pendidikan di bawah pantauan Kementerian Pendidikan Kebangsaan (Öcal, 2007).

Secara asasnya, Sekolah Imam-Hatip merupakan sekolah aliran vokasional yang berperanan menyediakan pelapis bagi imam, khatib, penceramah dan pegawai agama. Sepanjang perkembangannya menyaksikan pelbagai sekatan dan tekanan secara langsung atau tidak langsung telah dikenakan ke atas Sekolah Imam-Hatip. Perdebatan dan konflik mengenai institusi pendidikan Islam tersebut terus berlaku lebih-lebih lagi semasa pemerintahan Parti Keadilan dan Pembangunan (*Adalet ve Kalkınma Partisi-AKP*); sebuah parti yang dilihat mempunyai latar belakang dan kecenderungan terhadap Islam, namun tampil sebagai entiti yang mendukung wacana konservatif demokrasi.

Justeru, makalah ini bertujuan bagi membincangkan mengenai cabaran yang dihadapi oleh Sekolah Imam-Hatip sebagai sebuah institusi pendidikan Islam di Turki serta usaha ke arah pemerkasaannya. Makalah ini menggariskan tiga objektif utama iaitu: i) menyoroti latar belakang Sekolah Imam-Hatip sebagai institusi pendidikan Islam di Turki; ii) meneliti cabaran yang dihadapi oleh Sekolah Imam-Hatip sepanjang perkembangannya; dan iii) menganalisis usaha AKP terhadap pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip. Kajian kualitatif ini menggunakan metode dokumentasi sebagai metode pengumpulan data menerusi sumber-sumber primer dan sekunder. Manakala bagi metode analisis data pula menggunakan metode analisis kandungan dan metode komparatif.

LATAR BELAKANG SEKOLAH IMAM-HATIP

Asas dan Sejarah Penubuhan

Berasaskan gagasan bagi mereformasikan sistem pendidikan supaya menjadi pemangkin kepada nilai-nilai sekularisme, nasionalisme dan pemodenan (Çakmak, 2009; Coşkun & Şentürk, 2012), Undang-undang Penyelarasan Pendidikan telah diperkenalkan pada awal penubuhan negara Republik Turki. Undang-undang tersebut telah merombak sistem pendidikan sedia ada di mana kesemua sekolah awam, sekolah persendirian, madrasah dan sekolah yang didirikan oleh etnik minoriti diserapkan di bawah Kementerian Pendidikan Kebangsaan (Öcal, 2007). Namun, sekolah-sekolah bercorak agama khususnya madrasah secara praktiknya telah hilang fungsinya, lantas ditutup berikutan penyeragaman kurikulum di semua sekolah (Çakmak, 2009). Bagi menggantikan peranan madrasah (Mahfud Junaedi, 2016) serta memenuhi keperluan untuk persediaan penjawat di dalam sektor agama seperti imam, pembaca khutbah, penceramah dan pegawai-pegawai agama, maka Sekolah Imam-Hatip telah ditubuhkan sebagai sekolah berstatus vokasional.

Adalah penting untuk dinyatakan bahawa asas penubuhan Sekolah Imam-Hatip telah diperuntukkan di bawah Artikel 4 Undang-undang Penyelarasan Pendidikan. Artikel 32 Undang-undang Asas Pendidikan Kebangsaan pula memperincikan objektif dan skop Sekolah Imam-Hatip sepetimana berikut,

[Penubuhan] Sekolah Imam-Hatip adalah sebagai institusi pengajaran yang dibuka di bawah Kementerian Pendidikan Kebangsaan yang mengajarkan kepada pelajar-pelajarnya akan [kemahiran] perkhidmatan keagamaan seperti imam, penceramah dan guru pengajian al-Qur'an... (Öcal, 2007)

Pada fasa awal penubuhannya (1924-1929), 29 buah Sekolah Imam-Hatip telah ditubuhkan dengan mengambil alih madrasah-madrasah sedia ada (Aşlamacı & Kaymakcan, 2016). Semasa tahun pertama penubuhannya, seramai 2,258 orang pelajar telah berdaftar di bawah pengajaran sekitar 300 orang guru. Walau bagaimanapun, bilangannya telah menurun kepada 278 orang pelajar dan 10 orang guru pada sesi persekolahan tahun 1926. Berikutnya bilangan pelajarnya yang terus menurun, Sekolah Imam-Hatip akhirnya terpaksa ditutup pada tahun 1929 (Mahfud Junaedi, 2016).

Pelaksanaan sistem pelbagai parti bermula pada tahun 1946 telah mencetuskan perdebatan mengenai kedudukan pendidikan Islam di Turki, khususnya mengenai status Sekolah Imam-Hatip. Kemenangan Parti Demokrat (*Demokrat Partisi-DP*) dalam pilihan raya umum tahun 1950 membolehkan sekolah tersebut untuk di buka semula setelah sekian lama di tutup. Pada 13 Oktober 1951, Sekolah Imam-Hatip telah di buka bagi sesi persekolahan tahun 1951-1952 di bandar-bandar utama termasuklah di Ankara, Adana, Istanbul, Isparta, Konya dan Kayseri. Pertambahan bilangan sekolah yang dibina turut memberi kesan kepada pertambahan bilangan pelajarnya dari tahun ke tahun (Alasania & Gelovani, 2011).

Meskipun berlaku beberapa kali rampasan kuasa tentera iaitu pada tahun 1960, 1971 dan 1980, namun Sekolah Imam-Hatip terus berkembang dari semasa ke semasa lantaran permintaan tinggi dari kalangan ibu bapa yang menginginkan pendidikan yang mengintegrasikan akademik dan agama untuk anak-anak mereka. Namun, rampasan kuasa tentera pada tahun 1997 telah menjelaskan perkembangan Sekolah Imam-Hatip khususnya di peringkat menengah berikutan penstrukturkan semula sistem persekolahan yang diperkenalkan. Sehingga pada tahun 2012, kerajaan Turki di bawah AKP telah merombak semula sistem persekolahan yang membuka laluan kepada pemerkasaan semula Sekolah Imam-Hatip.

Sistem Kurikulum

Meskipun Sekolah Imam-Hatip ditubuhkan berseiringan dengan penubuhan negara Turki moden, hakikatnya ia merupakan kesinambungan daripada madrasah yang telah wujud sebelum era republik lagi (Aşlamacı & Kaymakcan, 2016). Namun, sistem kurikulumnya diperbaharui bagi menselaraskan di antara pendidikan berkonsepkan tradisional dan pendidikan bercorak moden.

Secara asasnya, sukatan kurikulum Sekolah Imam-Hatip terdiri daripada dua komponen utama iaitu kursus agama dan kursus akademik. Meskipun Sekolah Imam-Hatip merupakan sekolah beraliran agama, namun kursus agama merangkumi 44 peratus daripada jumlah keseluruhan kursus yang disediakan – bersamaan dengan 14 subjek, manakala kursus akademik pula adalah 56 peratus iaitu sebanyak 11 subjek. Kursus-kursus yang diajarkan di Sekolah Imam-Hatip boleh dilihat menerusi Jadual 1 di bawah.

JADUAL 1. Kursus-kursus yang Diajarkan di Sekolah Imam-Hatip

Kursus agama (11 subjek)	Kursus akademik (14 subjek)
Teologi, al-Qur'an, ilmu kalam, tafsir, hadith, akidah, fekah, sirah Rasulullah SAW, sejarah agama, bahasa Arab, kemahiran dakwah	Sastera dan bahasa Turki, matematik, biologi, fizik, kimia, sejarah, geografi, psikologi, sosiologi, sejarah senibina Islam, bahasa Inggeris, pertahanan negara, sejarah prinsip Kemalisme, pendidikan jasmani

Sumber: Çakmak (2009)

Jika merujuk kepada Jadual 1 di atas, adalah didapati bahawa kursus-kursus agama yang diajarkan di Sekolah Imam-Hatip merupakan kursus yang bersifat fundamental kepada kefahaman agama Islam. Pada masa yang sama, kursus-kursus akademik juga turut diajarkan sepertimana di sekolah-sekolah lain (Öcal, 2007). Menurut Çakmak (2009), struktur kurikulum adalah suatu yang signifikan untuk menentukan ke arah manakah pelajar-pelajar Sekolah Imam-Hatip ingin dibentuk. Dalam hal ini, kurikulum Sekolah Imam-Hatip yang bersepadau di antara kursus agama dan kursus akademik adalah jelas untuk mewujudkan generasi yang memahami asas-asas agama dan pada masa yang sama turut menguasai ilmu-ilmu akademik dan kebudayaan.

CABARAN YANG DIHADAPI OLEH SEKOLAH IMAM-HATIP

Dakwaan Sekolah Imam-Hatip sebagai Mencabar Prinsip Sekularisme Turki

Secara asasnya, penubuhan Sekolah Imam-Hatip diterima secara baik oleh masyarakat Turki (Öcal, 2007). Walau bagaimanapun, keberadaannya tetap tidak disenangi oleh sebahagian pihak yang mengundang kepada polemik dan penentangan.

Bagi konteks Turki, terdapat sekelompok kecil elit yang berpegang kuat kepada prinsip sekularisme serta mendominasi kuasa ekonomi dan politik. Dari kaca mata kelompok ini, Sekolah Imam-Hatip dianggap sebagai suatu ancaman buat prinsip sekularisme yang diasaskan oleh Atatürk (Gür, 2016). Keberadaan Sekolah Imam-Hatip dilihat menampilkan pendidikan yang diinspirasikan daripada tradisi Sunni dan mengabaikan pendidikan bercorak sekular (Christie-Miller, 2014). Maka, sekolah tersebut dianggap cuba menghakis elemen sekularisme yang mencorak identiti masyarakat Turki menerusi penerapan pendidikan agama.

Di samping itu, Sekolah Imam-Hatip turut dilihat beroperasi sebagai ‘kilang’ bagi melahirkan ‘kader-kader Islam’. Memandangkan pelajar-pelajar Sekolah Imam-Hatip turut diajarkan dengan kursus akademik di samping kursus agama, maka secara teorinya lepasan sekolah tersebut mempunyai peluang untuk menduduki pelbagai posisi di dalam sektor-sektor strategik. Misalnya, Presiden Turki; Recep Tayyip Erdoğan (2014-kini) sendiri merupakan bekas lepasan sekolah tersebut (Presidency of the Republic Turkey, t.th.) di samping beberapa tokoh AKP yang lain. Menurut Çakmak (2009), sekolah tersebut dilihat menjadi platform penyaluran idea dan pengaruh kelompok Islam, sekaligus berpotensi melahirkan ‘generasi Islamis’ sama ada yang beraliran moderat mahupun radikal. Namun, Aşlamacı & Kaymakcan (2016) pula berpandangan sebaliknya di mana Sekolah Imam-Hatip merupakan model sekolah yang moderat dan ideal untuk diadaptasi di negara-negara umat Islam, lebih-lebih lagi pasca tragedi 11 September 2001.

Walau bagaimanapun, dakwaan Sekolah Imam-Hatip bercanggah dengan prinsip sekularisme agak kurang relevan jika dilihat akan asas penubuhannya. Hakikatnya, penubuhan sekolah tersebut merupakan natijah daripada Undang-undang Penyelarasaran Pendidikan yang diwujudkan sejak tahun 1924 lagi. Meskipun Atatürk telah memperkenalkan program pemodenan berdasarkan pendekatan sekularisasi, namun Sekolah Imam-Hatip dibiarkan untuk terus beroperasi. Maka, dakwaan Sekolah Imam-Hatip bercanggah dengan prinsip sekularisme adalah kurang berdasas berdasarkan latar belakang sejarah dan asas penubuhan sekolah tersebut.

Cabaran terhadap Lepasan Sekolah Imam-Hatip

Lantaran wujudnya persepsi bahawa keberadaan Sekolah Imam-Hatip sebagai bercanggah dengan prinsip sekularisme dalam kalangan kelompok elit sekularis, maka beberapa usaha telah direncanakan bagi mengekang perkembangannya.

Sejak tahun 1997, pihak Majlis Pendidikan Tinggi Turki (*Yüksek Öğretim Kurulu-YÖK*) menetapkan bahawa lepasan sekolah tinggi yang menduduki peperiksaan kemasukan ke universiti lebih mudah untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama di sekolah tinggi. Lepasan Sekolah Imam-Hatip yang ingin melanjutkan pengajian selain dari bidang agama perlu memperoleh markah yang lebih tinggi di dalam peperiksaan tersebut berbanding pelajar lepasan sekolah lain berikutan markah pemberat untuk lepasan sekolah aliran vokasional yang secara relatifnya lebih rendah berbanding lepasan sekolah biasa. Hal ini menjadikan lepasan Sekolah Imam-Hatip hanya berpotensi untuk dilorongkan ke fakulti agama, khususnya ke fakulti teologi sahaja dan sukar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang lain bagi peringkat universiti (Rabasa & Larrabee, 2008).

Jika diamati, penetapan tersebut adalah bersifat diskriminatif buat lepasan Sekolah Imam-Hatip memandangkan kurikulum pengajian di sekolah tersebut bukan sahaja terdiri dari subjek-subjek agama, malah turut merangkumi subjek-subjek akademik seperti yang diajarkan di sekolah aliran biasa. Di samping itu, laporan yang dikeluarkan oleh Biro Demokrasi, Hak Asasi dan Pekerja Amerika Syarikat pada tahun 2006 menyebutkan bahawa tidak semua ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Imam-Hatip untuk menjadi imam, khatib, penceramah atau pegawai di jabatan agama. Sebahagiannya menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Imam-Hatip untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan agama yang secukupnya secara formal (Bureau of Democracy, Human Rights, and Labor, 2006). Maka, hak bagi lepasan Sekolah Imam-Hatip untuk melanjutkan pengajian dalam sebarang bidang yang diminati dan bersesuaian dengan keputusan yang diperoleh adalah suatu yang relevan dan wajar memandangkan mereka juga turut mempelajari kursus-kursus akademik seperti pelajar-pelajar di sekolah lain.


Penstrukturran Sistem Persekolahan dan Penutupan Sekolah Imam-Hatip di Peringkat Menengah

Pada asalnya, sistem persekolahan di Turki adalah berkonsepkan lima tahun persekolahan wajib di peringkat rendah. Seterusnya, ibu bapa bebas untuk menghantar anak-anak mereka bagi menyambung persekolahan sama ada di sekolah menengah biasa atau sekolah menengah jenis vokasional, termasuklah Sekolah Imam-Hatip (Cornell, 2015).

Walau bagaimanapun, sistem pendidikan tersebut telah mengalami perubahan selepas tahun 1997. Bermula pada tahun 1998, sistem persekolahan Turki menggunakan sistem '5+3'; iaitu lima tahun sekolah di peringkat rendah (tahun satu hingga lima) dan tiga tahun sekolah di peringkat menengah (tahun enam hingga lapan). Perubahan yang dilakukan adalah dengan memanjangkan tempoh persekolahan wajib daripada lima tahun kepada lapan tahun. Berbeza dengan sistem sebelumnya yang memberi kebebasan untuk ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah jenis lain selepas selesai tahun kelima, sistem yang baru diperkenalkan mewajibkan pelajar untuk menamatkan sesi persekolahan wajib untuk lapan tahun (Kloesel, 2014). Kesannya, pelajar-pelajar diwajibkan untuk menghabiskan tempoh persekolahan di sekolah kebangsaan biasa selama lapan tahun dan tidak dibenarkan untuk bersekolah di sekolah jenis lain dalam tempoh tersebut.

Sekali imbas, sistem yang diperkenalkan hanyalah merupakan perubahan yang dilakukan terhadap sistem persekolahan daripada lima tahun kepada lapan tahun sahaja. Namun, sistem baru yang diperkenalkan mempunyai unsur tersirat bagi menghalang kemasukan pelajar ke Sekolah Imam-Hatip sebaik sahaja mereka selesai menamatkan persekolahan pada tahun kelima. Jika disoroti, sistem persekolahan tersebut diperkenalkan oleh pihak tentera Turki selaku autoriti yang berperanan sebagai kerajaan sementara pasca rampasan kuasa pada tahun 1997. Ketika itu, persepsi yang mendominasi ruang wacana

tentera adalah mengenai ‘radikalisaasi kelompok Islam’ (Sakallioğlu, 1997). Maka, dasar pendidikan yang dilaksanakan adalah menjurus kepada membendung penularan jalur ‘reaksionaris’ sebagai label bagi merujuk kepada kelompok Islam (Cagaptay 2017).



ILUSTRASI 1. Carta Aliran Penstrukturkan Persekolahan di Turki dan Kesannya terhadap Sekolah Imam-Hatip

Di samping itu, perubahan sistem persekolahan memberi kesan langsung kepada Sekolah Imam-Hatip itu sendiri. Sistem persekolahan baru tersebut menyebabkan Sekolah Imam-Hatip tidak lagi relevan bagi peringkat menengah seperti sebelumnya lantaran pelajar-pelajar wajib menyelesaikan sesi persekolahan selama lapan tahun di sekolah kebangsaan biasa. Perubahan tersebut memberi kesan kepada kemasukan pelajar yang memasuki Sekolah Imam-Hatip di mana bilangannya mengalami penurunan selepas sistem tersebut diperkenalkan sehingga ke beberapa tahun berikutnya. Akhirnya, Sekolah Imam-Hatip terpaksa ditutup bagi peringkat menengah, iaitu bagi tahun enam hingga lapan tahun dan hanya dibuka kepada pelajar yang telah menyelesaikan lapan tahun persekolahan (Kaya, 2014).

USAHA AKP TERHADAP PEMERKASAAN SEKOLAH IMAM-HATIP

Cabar dan kekangan yang dihadapi oleh Sekolah Imam-Hatip sebagai institusi pendidikan Islam telah mengundang perhatian AKP setelah diberi mandat oleh rakyat untuk membentuk kerajaan. Dalam hal ini, beberapa usaha telah dilaksanakan oleh AKP ke arah memperkasakan Sekolah Imam-Hatip iaitu berhubung pengembalian hak kemasukan lepasan Sekolah Imam-Hatip ke universiti serta pembukaan semula sekolah tersebut di peringkat menengah.

Pengembalian Hak Kemasukan Lepasan Sekolah Imam-Hatip ke Universiti

Lantaran ketetapan yang dikeluarkan bermula pada tahun 1997, lepasan Sekolah Imam-Hatip menghadapi kesukaran untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang pelbagai di universiti. Bagi membuka peluang dan sekaligus meningkatkan daya saing lepasan Sekolah Imam-Hatip, AKP telah mengambil inisiatif dengan mengusulkan di parliment pada 4 Mei 2004 supaya lepasan sekolah tersebut diberi sedikit kelonggaran berhubung syarat kemasukan ke

universiti. Pada asalnya, usul tersebut telah dipersetujui secara majoriti di peringkat parliment pada 13 Mei 2004. Walau bagaimanapun, pada 27 Mei 2004, Presiden Turki ketika itu; Necdet Sezer (2000-2007) menggunakan kuasa veto dengan membatalkan keputusan tersebut (Jenkins, 2007).

Kegagalan tersebut disusuli dengan usaha seterusnya yang dilakukan oleh Menteri Pendidikan Kebangsaan; Hüseyin Çelik (2003-2009) yang mengusulkan penetapan pada Disember 2005 supaya lepasan Sekolah Imam-Hatip diberi peluang untuk memasuki fakulti selain fakulti agama. Pelajar-pelajar tersebut perlu memasuki sekolah awam pada tahun akhir pengajian di peringkat sekolah tinggi terlebih dahulu dan mengambil beberapa kursus asas. Namun, YÖK – yang ketika itu masih dimonopoli oleh pendokong sekular – menolak cadangan yang dikemukakan kerana menurut mereka, cadangan tersebut bercanggah dengan prinsip sekularisme (Rabassa & Larrabee, 2008; Köni & Açıkgöz, 2013).

Meskipun usaha AKP pada penggal awal pemerintahannya (2002-2007) mengalami kebuntuan, namun usaha yang dilakukan pada penggal seterusnya telah membawa hasil. Melalui penstrukturran semula syarat kemasukan ke universiti yang telah dilakukan oleh YÖK, bermula sesi pengajian universiti tahun 2011, lepasan Sekolah Imam-Hatip telah dibenarkan untuk menyambung pengajian di mana-mana fakulti yang bersesuaian dengan kehendak dan pencapaian keputusan mereka (Makovsky, 2015). Dengan ini, penetapan lepasan Sekolah Imam-Hatip hanya akan dilorongkan ke fakulti berdasarkan agama sahaja telah dimansuhkan bermula pada sesi tersebut.

Jika disoroti, usaha AKP bagi memperkasakan Sekolah Imam-Hatip menghadapi kesukaran dan kebuntuan pada fasa awal pemerintahannya lantaran wujud dua entiti yang menyumbang kepada kebuntuan tersebut. Dalam usahanya yang pertama, AKP menghadapi halangan dari Presiden Necdet Sezer yang kuat berpegang kepada prinsip sekularisme. Beliau telah menggunakan kuasa veto dengan membatalkan keputusan yang telah disokong secara majoriti di parliment. Usaha yang kedua pula menerima halangan YÖK yang juga dimonopoli oleh pendokong sekular ketika itu (Patton, 2007).

Sebaliknya, kelonggaran penetapan syarat kemasukan ke universiti yang berkuatkuasa bermula sesi pengajian 2011 telah mendatangkan hasil. Ini kerana Presiden Turki yang menggantikan Necdet Sezer bermula Ogos 2007; iaitu Abdullah Gül (2007-2014) adalah dari kelompok Islam dan tidak lagi menjadi penghalang kepada usaha pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip seperti sebelumnya. Selain itu, penstrukturran semula YÖK dengan menempatkan individu-individu yang lebih moderat terhadap sekularisme atau lebih tepat; proksi pro-AKP (Akyol, 2014) turut membuka jalan kepada kelonggaran syarat kemasukan ke universiti.

Pembukaan Semula Sekolah Imam-Hatip di Peringkat Menengah

Setelah kesukaran bagi lepasan Sekolah Imam-Hatip untuk melanjutkan pengajian di pelbagai bidang di universiti berjaya diatasi, tumpuan seterusnya telah diberikan pula terhadap pembukaan semula Sekolah Imam-Hatip di peringkat menengah yang telah ditutup berikut penstrukturran semula sistem persekolahan bermula pada tahun 1998.

Pada 1 Februari 2012, Erdoğan selaku Perdana Menteri ketika itu telah mengumumkan di dalam persidangan AKP mengenai hasratnya untuk mewujudkan ‘generasi yang beriman’. Di dalam kenyataannya Erdogan menegaskan, “*Adakah anda menyangka bahawa AKP sebagai sebuah parti konservatif demokrat ingin mewujudkan generasi yang tidak beragama? Itu mungkin keinginan anda, tetapi tidak bagi kami [AKP]. Kami ingin mendidik generasi yang berjiwa konservatif dan demokratik serta berpegang kepada nilai dan identiti negara ini?*” (*Hürriyet Daily News*, 2012).

Pengumuman mengenai hasrat bagi mewujudkan generasi yang beriman merupakan suatu episod yang penting dalam konteks perkembangan pendidikan Islam di Turki. Pada 20 Februari 2012, pihak AKP telah mengemukakan usul di parliment bagi merombak sistem persekolahan sedia ada kepada sistem yang baru. Usul tersebut telah dipersetujui secara majoriti oleh ahli-ahli parliment, di mana ia dirangka sebagai undang-undang pendidikan yang

baru pada 30 Mac 2012 di bawah nama Undang-undang Bagi Meminda Undang-undang Pendidikan Peringkat Rendah. Undang-undang tersebut diwartakan secara rasmi pada 11 April 2012 yang membolehkannya berkuatkuasa serta-merta (Gün & Baskan, 2014). Sistem yang baru ini berkonsepkan empat tahun persekolahan peringkat rendah, empat tahun persekolahan peringkat menengah dan empat tahun persekolahan peringkat tinggi (juga dikenali sebagai sistem '4+4+4'). Perubahan tersebut menjadikan tempoh persekolahan wajib telah dipanjangkan kepada 12 tahun berbanding lapan tahun melalui sistem sebelumnya.

Sistem baru yang diperkenalkan telah memberi kesan kepada kedudukan Sekolah Imam-Hatip. Melalui sistem tersebut, ibu bapa telah diberi kebebasan untuk menghantar anak-anak mereka sama ada ke sekolah biasa atau ke sekolah jenis vokasional bagi peringkat menengah. Memandangkan Sekolah Imam-Hatip juga merupakan sekolah jenis vokasional, maka sekolah beraliran agama tersebut turut menjadi salah satu pilihan ibu bapa dan dibuka semula untuk peringkat menengah. Dengan ini, sistem persekolahan 4+4+4 yang diperkenalkan telah mengembalikan semula peranan Sekolah Imam-Hatip di peringkat menengah. Hasilnya, sekolah tersebut telah kembali beroperasi pada sesi 2012-2013 dan mengalami pertambahan bilangan dari tahun ke tahun (lihat Jadual 2).

JADUAL 2. Bilangan Sekolah Imam-Hatip yang Beroperasi di Peringkat Menengah (Sesi 1995-1996 sehingga Sesi 2016-2017)

Sesi persekolahan	Bilangan sekolah	Bilangan pelajar
1995-1996	479	306,684
1996-1997	601	318,775
1997-1998	604	218,631
1998-1999	612	0
1999-2000*	0	0
2012-2013	1,099	94,467
2013-2014	1,361	240,015
2014-2015	1,597	385,830
2015-2016	1,961	524,295
2016-2017	2,671	651,954

*bermula sesi 1999-2000 sehingga sesi 2011-2012, Sekolah Imam-Hatip di peringkat menengah telah ditutup berikutan sistem persekolahan 5+3 yang dilaksanakan bermula sesi 1998-1999. Ia dibuka semula pada sesi 2012-2013 selepas penstrukturran sistem persekolahan.

Sumber: Millî Eğitim Bakanlığı (t.t.); Makovsky (2015)

Berpandukan kepada Jadual 2 di atas, pembukaan semula Sekolah Imam-Hatip di peringkat menengah pada sesi persekolahan tahun 2012-2013 dan disusuli oleh pertambahan bilangannya secara konsisten sehingga sesi persekolahan tahun 2016-2017 adalah didorong oleh beberapa faktor. Pertama, perubahan sistem persekolahan dari lapan tahun kepada 12 tahun memberi ruang kepada Sekolah Imam-Hatip sebagai salah satu sekolah pilihan bagi peringkat menengah. Kedua, sistem peperiksaan baru yang diperkenalkan telah memberikan kelebihan kepada Sekolah Imam-Hatip, di mana undang-undang pendidikan menetapkan bahawa semua pelajar diwajibkan mengambil peperiksaan untuk masuk ke sekolah menengah melainkan bagi yang ingin memasuki Sekolah Imam-Hatip. Pelajar-pelajar yang tidak melepas peperiksaan berkenaan pula tiada pilihan lain melainkan menyambung persekolahan di Sekolah Imam-Hatip (Ahmad Azam et al., 2017). Ketiga, kelonggaran yang diberikan kepada lepasan Sekolah Imam-Hatip untuk memasuki mana-mana fakulti selain fakulti berasaskan agama meletakkan taraf lepasan sekolah tersebut sama tinggi dengan lepasan dari sekolah-sekolah lain. Keempat, sebahagian sekolah aliran biasa terpaksa ditukar statusnya kepada Sekolah Imam-Hatip bagi menampung permintaan dan keperluan yang semakin tinggi.

IMPLIKASI USAHA AKP TERHADAP PEMERKASAAN SEKOLAH IMAM-HATIP

Usaha AKP terhadap pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip telah menatijahkan kepada beberapa implikasi sama ada implikasi positif mahupun implikasi negatif.

Implikasi Positif

Pembukaan Peluang Lepasan Sekolah Imam-Hatip Melanjutkan Pengajian di Universiti

Usaha bagi membolehkan lepasan Sekolah Imam-Hatip untuk melanjutkan pengajian ke pelbagai bidang di universiti telah meningkatkan daya saing lepasan sekolah tersebut setara dengan lepasan dari sekolah tinggi aliran kebangsaan. Dari sudut yang lain, perkembangan ini turut memberi kelebihan kepada lepasan Sekolah Imam-Hatip berbanding lepasan daripada sekolah lain kerana mereka bukan sahaja berpeluang untuk mempelajari bidang agama-vokasional, malah juga mempunyai peluang untuk menyambung pengajian di peringkat universiti dalam bidang selain bidang agama.

Pembukaan peluang bagi melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di universiti membolehkan lepasan Sekolah Imam-Hatip mendalami bidang-bidang yang diminati sebagai persediaan sebelum berkhidmat di medan pekerjaan berdasarkan bidang yang diceburi selepas menamatkan pengajian di universiti. Berbeza dengan era sebelumnya di mana lepasan Sekolah Imam-Hatip hanya dibenarkan untuk melanjutkan pengajian di fakulti berasaskan agama sahaja. Dengan ini, prospek kerjaya bagi lepasan Sekolah Imam-Hatip setelah tamat pengajian di universiti juga semakin luas dan tidak terhad hanya kepada bidang agama sahaja.

Keberadaan Sekolah Imam-Hatip sebagai Pilihan Alternatif

Inisiatif AKP terhadap pembukaan semula Sekolah Imam-Hatip di peringkat menengah melalui penstrukturran semula sistem persekolahan telah memberi pilihan kepada pelajar-pelajar yang telah menamatkan persekolahan di peringkat rendah sama ada untuk meneruskan persekolahan di sekolah menengah biasa atau sekolah vokasional seperti Sekolah Imam-Hatip. Dalam hal ini, Sekolah Imam-Hatip bertindak sebagai alternatif bagi pelajar-pelajar yang cenderung untuk mempelajari kursus agama secara lebih formal dan pada masa yang sama turut tidak ketinggalan untuk mempelajari kursus akademik.

Mahfud Junaedi (2016) menyebutkan bahawa Sekolah Imam-Hatip bukan sahaja berperanan sebagai platform untuk melahirkan pelapis imam dan khatib, akan tetapi turut menyumbang kepada lahirnya pelajar-pelajar yang mempunyai kesedaran agama yang tinggi. Hasil pengajaran kursus-kursus agama dan akademik secara bersepada, pelajar-pelajar yang dilahirkan daripada Sekolah Imam-Hatip akan sentiasa berpegang kepada kefahaman agama dengan baik tanpa mengira posisi dan peranan yang bakal dimainkan. Dengan ini, keberadaan Sekolah Imam-Hatip adalah suatu yang signifikan sebagai alternatif kepada sekolah-sekolah kebangsaan awam yang lebih bercirikan sekular.

Implikasi Negatif

Polarisasi dalam Kalangan Masyarakat

Menurut Hussein & Ayten (2017), masyarakat konservatif yang mementingkan cara hidup Islam adalah besar populasinya di Turki meskipun negara tersebut didirikan berdasarkan

kerangka sekular. Sebagai sebuah parti yang bersifat pragmatik, AKP sentiasa memastikan permintaan popular masyarakat Turki dapat dipenuhi menerusi pelaksanaan dasar-dasar yang dijalankan.

Dalam hal ini, selain aspek konservatif yang sememangnya menjadi agenda AKP, usaha pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip juga adalah didorong oleh permintaan daripada ramai ibu bapa yang menginginkan pendidikan agama secara formal untuk anak-anak mereka. Usaha AKP dalam memperkasakan Sekolah Imam-Hatip telah menerima sambutan yang baik dalam kalangan sebahagian masyarakat Turki yang masih berpegang kepada cara hidup konservatif dan beragama. Perkara ini dapat dilihat menerusi komitmen sebahagian ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah berasaskan agama seperti Sekolah Imam-Hatip berbanding sekolah kebangsaan biasa (Şimşek, 2013).

Walau bagaimanapun, sebahagian masyarakat Turki yang lain pula bersikap sebaliknya. Sebagai contoh, inisiatif mengubah sekolah biasa kepada Sekolah Imam-Hatip telah menerima tentangan daripada sebahagian ibu bapa yang mahukan pendidikan sekular secara sepenuhnya untuk anak-anak mereka. Menurut Yegin-su (2014), agenda mewujudkan generasi yang beriman telah menjadi pemungkin kepada pemerkasaan pendidikan berteraskan agama di Turki yang menyebabkan ketegangan dan menjadikan isu pendidikan telah mengambil tempat utama di dalam pertembungan budaya di Turki.

Polarisasi masyarakat di antara mereka yang cenderung kepada dasar-dasar konservatif dan mereka yang cenderung kepada gaya hidup berasaskan sekular merupakan permasalahan yang serius dan terus berlaku seiring dengan perkembangan politik di Turki. Menurut beberapa pengkaji, polarisasi dalam kalangan masyarakat sedikit sebanyak merupakan cerminan daripada sikap autoritarian Erdogan yang menyebabkan keterpinggiran sebahagian masyarakat Turki yang tidak bersama dengan aspirasi beliau, termasuklah dalam soal pemerkasaan pendidikan Islam. Keterpinggiran sebahagian masyarakat adalah berpunca daripada kesilapan Erdogan yang melihat demokrasi dan sumber legetimasi hanyalah terletak pada peti undi, sedangkan demokrasi dan sumber legetimasi perlu juga mengambilkira aspek-aspek lain seperti kedaulatan undang-undang, keterbatasan kuasa kerajaan dan pemeliharaan hak kumpulan minoriti (Waldman & Caliskan, 2017; Cagaptay, 2017).

KESIMPULAN

Meskipun ditubuhkan di bawah peruntukan perundangan, keberadaan Sekolah Imam-Hatip tetap tidak disenangi oleh kelompok elit sekular yang menyebabkannya terpaksa menempuh pelbagai tekanan dan halangan. Kedudukan Sekolah Imam-Hatip menerima perhatian AKP melalui usaha-usaha pemerkasaan yang dilakukan. Usaha-usaha AKP mendatangkan hasil bilamana lepasan Sekolah Imam-Hatip telah diberi peluang untuk melanjutkan pengajian di universiti dalam sebarang bidang. Selain itu, penstrukturkan semula sistem persekolahan bermula tahun 2012 membolehkan Sekolah Imam-Hatip dibuka semula bagi peringkat menengah.

Walaupun usaha AKP dalam memperkasakan Sekolah Imam-Hatip telah menatiahkan implikasi-implikasi positif, namun usaha tersebut turut menyumbang kepada polarisasi dalam kalangan masyarakat. Polarisasi di antara pihak yang menyokong usaha pemerkasaan pendidikan Islam dan pihak yang menolak sedikit sebanyak bertitik-tolak daripada sikap authoritarian Erdogan. Dalam hal ini, penulis berpandangan bahawa AKP perlu mencermati semangat demokrasi dan konsensus dalam melaksanakan sebarang dasar, termasuklah dalam aspek pendidikan. AKP dan Erdogan tidak sewajarnya menjadikan

sokongan di peti undi sebagai sumber legetimasi tanpa mengambilkira suara kelompok-kelompok lain.

Justeru, kajian ini menghujahkan bahawa: i) penubuhan Sekolah Imam-Hatip termaktub di bawah perundangan Turki dan tidak menyanggahi prinsip sekularisme Turki. Dengan ini, keberadaannya sebagai institusi pendidikan Islam di Turki sewajarnya tidak menjadi polemik; ii) Sekolah Imam-Hatip sebagai institusi pendidikan Islam di Turki telah menghadapi pelbagai cabaran sepanjang perkembangannya, khususnya daripada elit sekular. Hal ini berlaku lantaran wujudnya naratif yang mendakwa Sekolah Imam-Hatip sebagai bercanggah dengan prinsip sekularisme; dan iii) usaha AKP terhadap pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip telah meningkatkan daya saing lepasan sekolah tersebut setara dengan lepasan sekolah lain serta menjadikan ia sebagai pilihan alternatif kepada sekolah biasa. Meskipun begitu, usaha pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip turut menyumbang kepada polarisasi dalam kalangan masyarakat yang sewajarnya ditangani secara cermat oleh AKP.

RUJUKAN

- Ahmad Azam Ab Rahman, Najmuddin Mohd Nawi & Muhammad Suhail Ahmad. (2017). *Erdogan Bukan Pejuang Islam?* Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Akyol, M. (2014). *Erdogan's Attack on Private Universities*. Hürriyet Daily News. Diakses pada 16 April 2018 dari <http://www.hurriyetdailynews.com/opinion/mustafa-akyol/erdogans-attack-on-private-universities-68218>.
- Alasania, G. & Gelovani, N. (2011). Islam and Religious Education in Turkey. *Scientific Journal of International Black Sea University*. 5(2), 35-50.
- Aşlamacı, I. & Kaymakcan, R. (2016). A model for Islamic education from Turkey: the Imam-Hatip schools. *British Journal of Religious Education*. 39(3), 1-14.
- Bureau of Democracy, Human Rights, and Labor. (2006). *Turkey: International Religious Freedom Report 2006*. U.S. Department of State. Diakses pada 9 Februari 2018 dari <https://www.state.gov/j/drl/rls/irf/2006/71413.htm>.
- Cagaptay, S. (2017). *The New Sultan: Erdogan and the Crisis of Modern Turkey*. London & New York: I.B. Tauris.
- Çakmak, D. (2009). Pro-Islamic Public Education in Turkey: The Imam-Hatip Schools. *Middle Eastern Studies*. 45(5), 825-846.
- Çelebi, B. (2011). The Failure of Assertive Secularization Project in Turkey. *Turkish Journal Politics*. 2(1), 89-98.
- Christie-Miller, A. (2014). *Erdogan Launches Sunni Islamist Revival in Turkish Schools*. Newsweek. Diakses pada 12 Januari 2018 dari <http://www.newsweek.com/2014/12/26/erdogan-launches-sunni-islamist-revival-turkish-schools-292237.html>.
- Cornell, S.E. (2015). The Islamization of Turkey: Erdoğan's Education Reforms. *Turkey Analyst*. 8(16). Diakses pada 12 Januari 2018 dari <https://www.turkeyanalyst.org/publications/turkey-analyst-articles/item/437-the-islamization-of-turkey-erdo%C4%9Fan%E2%80%99s-education-reforms.html>.
- Coşkun, M.K. & Şentürk, B. (2012). The Growth of Islamic Education in Turkey: The AKP's Policies toward Imam-Hatip Schools. Dlm. K. İnal & G. Akkaymak (pnyt.) *Neoliberal Transformation of Education in Turkey* (hlm. 165-177). New York: Palgrave Macmillan.
- Gün, F. & Baskan, G.A. (2014). New Education System in Turkey (4+4+4): A Critical Outlook. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 131, 229-235.
- Gür, B.S. (2016). What Erdoğan Really wants for education in Turkey: Islamization or Pluralisation? *Al Jazeera Centre for Studies*. 1-10.
- Hürriyet Daily News. (2012). *Debate on Religion Takes over Politics in Ankara*. Hürriyet Daily News. Diakses pada 20 Disember 2017 dari <http://www.hurriyetdailynews.com/debate-on-religion-takes-over-politics-in-ankara-12814>.
- Hussein, A. & Ayten, A. (2017). A New Era for Turkey The Attempted Coup of the 15th of July. *International Journal of West Asian Studies*. 9(1), 1-11.

- Jenkins, G. (2007). Continuity and Change: Prospects for Civil-Military Relations in Turkey. *International Affairs*. 83(2), 339-355.
- Kaya, A. (2014). Islamisation of Turkey under the AKP Rule: Empowering Family, Faith and Charity. *South European Society and Politics*. 1-23.
- Kloesel, L. (2014). *Educational System of Turkey*. NAFSA. Diakses pada 28 Mac 2018 dari http://www.nafsa.org/Professional_Resources/Browse_by_Interest/International_Students_and_Scholars/Network_Resources/International_Enrollment_Management/Educational_System_of_Turkey/.
- Köni, H. & Açıkgöz, M. (2013). Politics of Religion in Turkey from National View to the Justice and Development Party. *International Journal of Research in Social Sciences*. 3(2), 48-56.
- Mahfud Junaedi. (2016). Imam Hatip School (Imam Hatip Lisesi): Islamic School in Contemporary Turkey. *Analisa Journal of Social Science and Religion*. 1(1), 121-138.
- Makovsky, A. (2015). Re-Educating Turkey AKP Efforts to Promote Religious Values in Turkish Schools. *Center for American Progress*. 1-28.
- Millî Eğitim Bakanlığı [Kementerian Pendidikan Kebangsaan]. (t.th.). *Millî Eğitim İstatistikleri-Örgün Eğitim [Statistik Pendidikan Nasional-Pendidikan Formal]*. Diakses pada 23 Januari 2018 dari <http://sgb.meb.gov.tr/www/resmi-istatistikler/icerik/64>.
- Öcal, M. (2007). From the Past to the Present: Imam and Preacher Schools in Turkey—An Ongoing Quarrel. *Religious Education*. 102(2), 191-205.
- Patton, M. J. (2007). AKP Reform Fatigue in Turkey: What has happened to the EU Process? *Mediterranean Politics*. 12(3), 339-358.
- Presidency of the Republic Turkey. (t.th.). *Recep Tayyip Erdoğan Biography*. Diakses pada 7 Mei 2018 dari <https://www.tccb.gov.tr/en/recep-tayyip-erdogan/biography/>.
- Rabasa, A. & Larrabee, F. S. (2008). *The Rise of Political Islam in Turkey*. California: RAND Corporation.
- Sakallioğlu, Ü. C. (1997). The Anatomy of the Turkish Military's Political Autonomy. *Comparative Politics*. 151-166.
- Şimşek, S. (2013). Conservative Democracy as a Cosmetic Image in Turkish Politics: The Semiology of AKP's Political Identity. *Turkish Studies*. 14(3), 429-446.
- Waldman, S. A. & Caliskan, E. (2017). *The 'New Turkey' and Its Discontents*. Oxford: Oxford University Press.
- Yegin-su, C. (2014). *Turkey Promotes Religious Schools, Often Defying Parents*. The New York Times. Diakses pada 14 Januari 2018 dari <https://www.nytimes.com/2014/12/17/world/europe/turkeys-religious-schools-rise-as-erdogan-exerts-sway.html>.